

23 SEP 2003

Pesawat-Laporan

LAPORAN SIASATAN PILATUS DI PERINGKAT TERAKHIR

KUALA LUMPUR, 23 Sept (Bernama) -- Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak akan mengumumkan hasil siasatan kemalangan pesawat Pilatus PC-7 Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di Kedah pada 12 Ogos lepas yang mengorbankan seorang juruterbang wanita.

Panglima TUDM Jen Datuk Seri Abdullah Ahmad berkata laporan itu akan dikemukakan kepada Menteri Pertahanan sebaik sahaja beliau pulang daripada lawatan ke Sweden mengiringi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Itu adalah prosedur yang perlu kita ikuti...saya akan menerangkan hasilnya kepada Menteri Pertahanan dan kemudian menteri akan umumkan kepada umum," katanya pada media selepas menyampaikan cek bernilai RM161,000 dari Skim Insuran Berkumpulan Angkatan Tentera dan sumbangan Airod Sdn. Bhd kepada waris Lt Mai Elny Sefrina Jalaluddin yang terkorban dalam kejadian itu.

Sumbangan itu diterima oleh ibu bapanya, Jalaluddin Udin dan Sharifah Sapiah Syed Hassan.

Pesawat Pilatus itu terhempas di kawasan kebun getah di Kampung Batu 25, Jalan Bukit Kayu Hitam-Changlun, Kedah.

Kejadian itu merupakan nahas pertama membabitkan pelatih wanita sejak TUDM mengambil juruterbang wanita pada 1986.

Sebuah lembaga penyiasat telah ditubuhkan bagi menyiasat kejadian itu.

Abdullah sementara itu berkata pesawat jenis itu masih digunakan untuk latihan penerbangan, selepas nahas itu.

-- BERNAMA

KK AZZ MOZ